


Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan



Raja Salomo Yang Bijaksana



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Lazarus
Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.


1

Raja Daud adalah seorang hamba Tuhan yang hebat. Semasa pemerintahannya, Israel telah berkembang sepuluh kali lebih besar daripada kerajaan Raja Saul. Tetapi sekarang dia tidak boleh memerintah lagi.



Daud sudah tua. Dan penat! Dan sakit! Kehidupannya di dunia hampir berakhir.



2



Salah seorang daripada ramai anak lelaki Daud, Adonia, memberitahu orang Israel bahawa dia kini akan menjadi raja. Walaupun namanya bermaksud "Tuanku adalah Allah", Adonia bukanlah seorang yang baik. Dia cuba untuk mencuri takhta, mengetahui Daud terlalu lemah untuk menentangnya. Tetapi Tuhan mempunyai rancangan lain!

3

Isteri Daud Batsyeba tahu anaknya Salomo yang seharusnya menjadi raja. Dia memberitahu Daud tentang rancangan Adonia. Walaupun dia sakit, Daud mengumpulkan para pemimpinnya dan secara terbuka mengangkat Salomo sebagai raja Israel.



4

Salomo tidak mempunyai masalah lagi dengan Adonia kerana orang Israel percaya kepada Daud. Daud memberitahu mereka bahawa Salomo adalah orang yang dipilih Tuhan untuk menjadi raja mereka. Tidak lama selepas itu, Daud meninggal dunia.



5

Sebelum Daud meninggal, dia berkata kepada Salomo agar ia taat kepada Tuhan dan menjadi seorang raja yang baik. "Lakukanlah kewajibanmu dengan setia terhadap Tuhan, Allahmu, dengan hidup menurut jalan yang ditunjukkan-Nya," kata Daud kepada anaknya. Itu adalah satu nasihat yang sangat baik! Kemudian Salomo duduk di atas tahta Daud, ayahnya, dan kerajaannya sangat kukuh.




6

Pada suatu malam Salomo bermimpi. Dalam mimpinya, Tuhan menampakkan diri di depannya dan berfirman "Mintalah apa yang hendak Kuberikan kepadamu." Jika hal itu terjadi padamu, apa yang bakal kamu minta?



7

Salomo meminta untuk mendapat hikmah menjadi seorang raja yang baik. Permintaan raja muda itu menyenangkan hati Tuhan. Salomo mendapat apa yang dimintanya tetapi Tuhan juga menjanjikan kekayaan yang besar dan kehormatan kepadanya.




8

Tidak lama kemudian orang ramai menemui kebijaksanaan Salomo. Pada suatu hari, dua ibu datang kedepannya, dengan seorang bayi. "Anak lelaki wanita ini meninggal dunia pada waktu malam, dan dia menukar bayinya yang mati dengan bayi hidup saya," kata seorang wanita. "Tidak! Bayi yang hidup inilah anakku, dan bayi yang mati itulah anakmu," kata wanita yang lain. Bagaimanakah raja dapat mengetahui yang mana ibu sebenar bayi itu?



9

Kemudian raja berkata, "Bawakan aku pedang." Maka mereka membawa pedang ke hadapan raja. Apa yang kamu fikir raja sedang rancang menggunakan pedang itu?



10

Dan raja berkata, "Potonglah anak yang hidup itu menjadi dua dan berikan separuh kepada seorang dan separuh lagi kepada yang lain." Kemudian ibu bayi yang masih hidup itu berkata, "Wahai tuanku, berikanlah dia anak yang hidup itu dan jangan sekali-kali membunuhnya."



11

Tetapi yang lain berkata, "Potonglah dia, biarlah dia bukan milikku dan bukan milikmu."



12

Maka raja berkata, "Berikan kepadanya bayi yang hidup itu, jangan sekali-sekali membunuh dia; dialah ibunya." Semua orang Israel mendengar keputusan itu, dan mereka memberikan penghormatan yang luar biasa kepada sang raja. Mereka melihat hikmat dari Tuhan bersama dengannya.



13

Orang Israel tidak mempunyai bait suci untuk menyembah Tuhan. Apabila Daud merancang untuk membina satu, Tuhan telah berkata, "Anakmu akan membina rumah atas Nama-Ku." Maka Salomo mula




membangun sebuah bait Allah yang indah di Yerusalem.

14

Pembinaan bait Allah itu mengambil masa tujuh tahun lamanya. Tetapi hari besar itu tiba apabila semua orang berkumpul untuk mendengar



Salomo mempersembahkan bait suci kepada TUHAN.



15


Setelah selesai berdoa, raja dan rakyat dengan senang hati mempersembahkan ribuan korban

dan mengadakan pesta besar selama dua minggu!



16

Selepas itu, Tuhan menampakkan diri-Nya lagi kepada Salomo dan berjanji untuk memberkati dia dan Israel selama selagi mereka taat kepada TUHAN.



17

Malangnya, baik Salomo mahupun orang Israel tidak selalu taat kepada Tuhan. Raja itu mengawini ramai wanita yang Allah tidak berkehendak untuk dinikahnya. Isterinya yang kafir memalingkan hatinya kepada berhala; dan hatinya tidak setia kepada TUHAN, Allahnya, seperti hati Daud, bapanya.




18

Saat Salomo membuang kesempatannya untuk menaati Tuhan, salah satu dari tentaranya yang bernama Yerobeam mempunyai satu pengalaman yang aneh. Seorang nabi berkata kepadanya Tuhan akan membagi kerajaan Salomo dan Yerobeam akan memerintah atas sepuluh dari dua belas suku.



19

Segera Yerobeam melarikan diri ke Mesir. Dia tahu Salomo akan membunuhnya jika dia tetap tinggal di situ.



20

Akhirnya Salomo mati.



Anak lelakinya, Rehabeam, mengenakan cukai kepada rakyat lebih teruk daripada yang dilakukan Salomo. Sepuluh suku memberontak - dan memilih Yerobeam menjadi ketua mereka. Kerajaan Salomo yang besar terbahagi kepada dua, seperti yang dikatakan oleh nabi Tuhan. Tuhan tidak akan memberkati ketidaktaatan!

21

Raja Salomo Yang Bijaksana


satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

1 Raja-raja 1-12

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

22



22



60

23

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

24